



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA  
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية  
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

# Buletin Pentadbiran

Edisi Ogos 2007

<http://www.usim.edu.my>

## MENARIK DI DALAM

MAJLIS SAMBUTAN 50  
TAHUN KEMERDEKAAN  
PERINGKAT USIM



KURSUS PENILAIAN TAHAP  
KECEKAPAN (PTK) TAHAP 3  
(TK3)  
BAGI KUMPULAN  
PENGURUSAN DAN  
PROFESIONAL (P&P) GRED 44



KURSUS ASAS KESELAMATAN  
DAN KEBAKARAN SIRI II



## GEMILANG.....

### MAJLIS PERISYTIHARAN NAMA UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Majlis Perisytiharan Nama Universiti Sains Islam Malaysia telah berlangsung dengan gilang gemilang pada 28 Jun 2007 yang lalu. Keberangkatan Tuanku Canselor iaitu Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ampuan Najihah binti Almarhum Tunku Besar Burhanuddin serta Duli Yang Maha Mulia Tuanku Ja'afar Ibni Almarhum Tuanku Abdul Rahman telah menyemarakkan lagi rasa kebanggaan dan kegembiraan semua warga USIM dan juga semua pihak yang menjayakan majlis ini. Selepas pengisytiharan tersebut, Baginda dan jemputan kehormat telah melihat pameran khas iaitu 'USIM Merintis Kejayaan' di Galeri dan juga tayangan slaid multimedia di Bilik Mesyuarat Senat. Baginda juga sempat menikmati santapan di Lounge Room. Bersempena



dengan majlis ini juga, satu buku keluaran khas dan juga video khas telah diterbitkan dan diedarkan kepada semua jemputan yang hadir ke majlis tersebut. Semoga dengan penamaan semula nama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) menjadi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan dapat menghapuskan kekeliruan yang timbul di kalangan masyarakat dan juga akan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan ilmu warga USIM.



## Sejambak Kasih Sekalung Bicara



Assalamualaikum

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadirat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat saya menzahirkan sepatah dua kata di dalam Buletin Pentadbiran USIM bagi Edisi Ogos ini.

Warga USIM yang saya hormati,

Bersempena dengan sambutan Bulan Kemerdekaan yang ke-50 pada tahun ini sama-sama lah kita memanjangkan kesyukuran ke hadirat Allah s.w.t. atas segala rahmat yang telah dikurniakan. Kita bersyukur kerana negara sentiasa dilindungi dari bencana alam atau malapetaka besar yang boleh mengorbankan ratusan nyawa. Kita bersyukur kerana telah dipimpin oleh ramai tokoh berwawasan jauh yang telah berjaya membawa kemakmuran berterusan kepada negara. Kita juga bersyukur kerana masyarakat Malaysia pelbagai bangsa dan agama hidup bermufakat, sehati sejiwa dan berbangga menjadi rakyat Malaysia.

Selaras dengan perkembangan USIM yang semakin ketara dari hari ke hari, saya juga ingin menyeru kepada semua warga USIM untuk sama-sama berdoa agar agar keharmonian yang terbina dalam mencapai misi dan visi Universiti ini dapat dikekalkan dan dijauhi daripada anasir-anasir luar yang boleh mengganggu gugat keharmonian tersebut.

Saya akhiri bingkisan saya pada kali ini dengan mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berpuasa dan Selamat Menjalani Ibadah sepanjang bulan Ramadhan ini. Semoga segala amalan pada tahun ini akan

lebih diberkati olehNya.

Bertemu lagi di keluaran akan datang dan salam hormat dari saya.

Sekian, Wassalam

  
Tn. Hj. Addenan Hj. Abd. Rahman  
Pendaftar  
Universiti Sains Islam  
Malaysia

## Secaliti Tinta Seulas Kata



Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertama dan selamanya ingin saya memanjangkan rasa kesyukuran ke hadirat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya Buletin Pentadbiran ini dapat diterbitkan.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Sidang Editor

Buletin Pentadbiran yang telah berjaya dalam mendokumentasikan serta menerbitkan Buletin Pentadbiran Edisi Ogos ini. Sesungguhnya kemunculan buletin ini adalah satu penantian dan amat bertepatan dengan Sambutan Bulan Kemerdekaan yang ke-50 pada tahun ini. Warga USIM yang saya hormati,

Seperti yang kita semua maklum, tahun ini merupakan tahun dimana kita perlu melakar kecemerlangan yang lebih unggul. Ianya adalah rentetan daripada usia kemerdekaan kita yang menjangkau 50 tahun pada tahun ini. Oleh yang demikian, kita haruslah menghayati erti kemerdekaan dengan sebe-


nar-benarnya, seterusnya menyumbang ke arah memastikan kedaulatan kita sentiasa terjamin. Izinkan saya membawa saudara-saudari sekalian untuk berfikir sejenak dalam mengimbas erti kemerdekaan.

Mungkin kebanyakan daripada kita amat sukar untuk menghayati erti sebenar kemerdekaan berikutan sebahagian besar generasi pada hari ini merupakan generasi pasca merdeka atau lahir selepas 31 Ogos 1957. Kerana itu, adalah mustahil untuk anda semua dapat memikirkan keperluan serta kepayahan bagaimana kehidupan di zaman penjajahan dahulu dan juga bagaimana kesusahan yang dialami oleh masyarakat terdahulu

untuk mendapatkan kemerdekaan tanahair yang tercinta ini. Justeru, marilah kita bersama-sama menilai erti kemerdekaan dengan cara yang berbeza supaya kita dapat menghayati nilai sebenar kebebasan yang dikecapi pada hari ini.

Akhir kata dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat Berpuasa bagi seluruh warga USIM. Semoga iman dan ketaqwaan kita dapat dipertingkatkan lagi pada bulan yang mulia ini.

Sekian, Salam Hormat

  
Hammad Farhi Mohd Saudi  
Timbalan Pendaftar  
Bahagian Sumber Manusia  
Universiti Sains Islam  
Malaysia

**SIDANG EDITOR**

**Penaung**

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Shukor  
Hj. Husin  
Rektor USIM

**Penasihat**

Tn. Hj. Addenan Hj. Abd.  
Rahman  
Pendaftar

**Pengerusi**

En. Hammad Farhi Mohd Saudi  
Timbalan Pendaftar  
(Bahagian Sumber Manusia)

**Ketua Editor**

En. Mohd Asri Hj. Husain  
Penolong Pendaftar Kanan  
(Cuti Belajar)

**Editor**

Cik Zaharah Abidin  
Penolong Pendaftar  
(Latihan)

**Ahli Jawatankuasa**

En. Ahmad Kamal Mustafa  
Penolong Pendaftar  
(Bahagian Pentadbiran Am)

En. Muhammad Tahir Zainuddin  
Penolong Pendaftar  
(Bahagian Kenderaan)

Cik Norhayati Adam  
Penolong Pendaftar BSM  
(Perjawatan)

Pn. Suriyati Ismail  
Penolong Pendaftar BSM  
(Perkhidmatan)

Pn. Zurina Mad Saad  
Penolong Pendaftar  
(Undang-Undang Dan Tatatertib)

En. Muhammad Rahmat Abdullah  
Penolong Pendaftar  
(Bahagian Pengurusan Dan Keselamatan)

Pn. Arhaida Abdul Rahman  
Penolong Pendaftar BSM  
(Perkhidmatan)

Pn. Mazlina Mohamed Tahir  
Penolong Pendaftar BSM  
(Perkhidmatan)

YM Tunku Nazruddin Tunku Yahya  
Penolong Pendaftar BSM  
(Kompetensi)



**KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN PENTADBIRAN TAHUN 2007 (BERKUAT KUASA PADA 1 JULAI 2007)**

**Kumpulan Pengurusan dan Profesional**

Jawatan Naik Pangkat	Gred	Nama Pegawai	Penempatan
Pegawai Tadbir	N48	En. Hammad Farhi Mohd Saudi	BSM, Jabatan Pendaftar
Pustakawan	S48	Pn. Nor Azzah Momin	Perpustakaan
Pegawai Kewangan	W48	En. Zairul Hisham Ahmad Khulaimi	Jabatan Bendahari
Pegawai Teknologi Maklumat	F44	En. Mohd Saiful Abdul Samad	PPITM
Pegawai Tadbir	N44	Pn. Wan Fauriah Wan Samad	Pejabat Canselor
Pegawai Penerbitan	N44	Pn. Hariza Yusof	Unit Penerbitan
Pustakawan	S44	Pn. Marhaniza Abdul Halim	Perpustakaan
Kaunselor	S44	Pn. Nurhazreen Mohd Nor	Bahagian HEP
Pegawai Kewangan	W44	Pn. Siti Nurbaya Ismail Cik Zuraida Zakaria	Jabatan Bendahari
Juruaudit	W44	En. Hezan Shah Zainuddin	Unit Audit Dalam

**Kumpulan Sokongan**

Jawatan Naik Pangkat	Gred	Nama Pegawai	Penempatan
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	F32	En. Nurli Suffian Zulkiffeli	PPITM
Penolong Akauntan	W32	En. Muhammad Nazaruddin Talib	Jabatan Bendahari
Juruteknik Komputer	FT22	En. Mazni @ Ahmad Muzzamil Rashid	PPITM
Pembantu Tadbir (K)	N22	Pn. Roslina Ahmad	FKP
Pembantu Tadbir (P/O)	N22	En. Rosdi Abdullah	Unit Kenderaan
Pembantu Perpustakaan	S22	Pn. Wan Azura Radzuan	Perpustakaan
Pembantu Akauntan	W22	Pn. Norzilah Zikri	Jabatan Bendahari
Pemandu Kenderaan	R6	En. Kamaluzaman Alias	Unit Kenderaan

## KURSUS PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN (PTK) TAHAP 3 (TK3) BAGI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (P&P) GRED 44

Kursus PTK (TK3) bagi Kumpulan P&P Gred 44 yang buat julung kalinya dianjurkan oleh Universiti ini telah diadakan dengan jayanya pada 22 hingga 31 Januari 2007 bertempat di Nilai Springs Golf & Country Club. Seramai 17 kakitangan P&P Gred

44 yang terdiri daripada Pegawai Tadbir N44, Pegawai Kewangan W44, Pegawai Teknologi Maklumat F44 dan Pustakawan S44 telah mengikuti kursus ini. Selain penyertaan daripada kakitangan Universiti ini sendiri, kursus ini turut melibatkan peserta dari

Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain seperti Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).



### PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN(PTK)

Program Bimbingan PTK 2007 dijangka akan diadakan pada 12 hingga 15 November 2007 sebagai persediaan kepada calon yang ingin menduduki Peperiksaan PTK yang dicadangkan untuk diadakan pada 22 hingga 23 November 2007 bagi Kumpulan Sokongan II manakala bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Sokongan I pada 26 hingga 29 November 2007.

Kursus PTK Tahap 3 (TK3) bagi Kumpulan Akademik DS45 secara tentatifnya akan diadakan pada 3 hingga 18 Disember 2007.

### PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN BIL. 1/2007

Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 1/2007 dijangka akan diadakan pada 16 hingga 18 Mei 2007 yang akan melibatkan seramai 73 orang kakitangan di kalangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) dan Sokongan. Sebanyak 23 gred jawatan yang akan terlibat dalam peperiksaan ini seperti berikut:

i.	Pegawai Teknologi Maklumat F41	- 1 orang
ii.	Pegawai Tadbir N41	- 1 orang
iii.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29	- 3 orang
iv.	Pembantu Teknik J29	- 1 orang
v.	Penolong Pegawai Keselamatan KP27	- 1 orang
vi.	Penolong Pegawai Tadbir N27	- 1 orang
vii.	Penolong Akauntan W27	- 2 orang
viii.	Pembantu Makmal C17	- 6 orang
ix.	Juruteknik Komputer FT17	- 3 orang
x.	Juruteknik Awam J17	- 2 orang
xi.	Juruteknik Elektrik J17	- 2 orang
xii.	Juruteknik Landskap J17	- 1 orang
xiii.	Juruteknik Mekanikal J17	- 1 orang
xiv.	Juruteknik Ukur Bahan J17	- 1 orang
xv.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17	- 20 orang
xvi.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N17	- 9 orang
xvii.	Juruaudio Visual N17	- 2 orang
xviii.	Pegawai Khidmat Pelanggan N17	- 2 orang
xix.	Penyelia Asrama N17	- 2 orang
xx.	Pembantu Belia dan Sukan S17	- 1 orang
xxi.	Pembantu Perpustakaan S17	- 2 orang
xxii.	Pembantu Akauntan W17	- 2 orang
xxiii.	Pengawal Keselamatan KP11	- 7 orang

### PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN

Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 1/2007 telah diadakan dengan jayanya pada 16 hingga 18 dan 23 Mei 2007. Program Bimbingan Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 1/2007 pula telah diadakan terlebih dahulu sebagai persediaan kepada calon pada 9 hingga 14 Mei 2007.

Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 2/2007 (Khas) juga telah diadakan dengan jayanya pada 27 Julai 2007 yang hanya melibatkan calon bagi Ujian Trengkas 80 psm dan Ujian Kederasan Menaip 18 psm.

Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 3/2007 dijangka akan diadakan pada 29 hingga 31 November 2007. Calon yang berkenaan akan diberikan persediaan bagi menghadapi peperiksaan tersebut melalui Program Bimbingan Peperiksaan Perkhidmatan Bil. 3/2007 yang dijangka akan diadakan pada 22 hingga 25 November 2007.

## USIM BUKA PELUANG CUTI BELAJAR BAGI KAKITANGAN PENTADBIRAN DAN GURU BAHASA

Selaras dengan Rancangan Malaysia ke-Sembilan (RMK9) yang menjadikan pembangunan modal insan sebagai teras utama melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran modal intelek seperti membina keupayaan keusahawan, memiliki sikap, nilai dan etika yang progresif melalui pendidikan, latihan serta pembelajaran sepanjang hayat, pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah membuka peluang kepada kakitangan pentadbiran dan guru bahasa untuk bercuti belajar.

Kakitangan pentadbiran yang telah diluluskan untuk Bercuti Belajar Separuh Gaji ialah Puan Rupina Bt Udin, Juruteknik Arkitek yang melanjutkan pengajian pada peringkat Diploma di Politeknik, Port Dickson selama satu tahun. Manakala gurubahasa yang telah diluluskan Bercuti Belajar dengan Biasiswa ialah Puan Azni Bt Mohd Zin, dari Pusat Pengajian Umum yang melanjutkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada peringkat Sarjana.

Skim Cuti Belajar yang diberikan kepada kakitangan pengurusan dan juga sokongan iaitu Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan Biasiswa; Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan pembiayaan sendiri atau daripada Badan-badan Luar; Cuti Belajar Separuh Gaji; dan Cuti Belajar Tanpa Gaji. Bagi mendapatkan maklumat lanjut perkara ini boleh lihat di laman web Jabatan Pendaftar atau menghubungi Unit Cuti Belajar, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar di talian 8150 atau email asri@usim.edu.my.

Pada masa ini, terdapat empat jenis

## KURSUS ASAS KESELAMATAN DAN KEBAKARAN SIRI II

Kursus ini telah dilaksanakan dengan jayanya bermula pada 15 Ogos 2007 sehingga 5 September 2007. Kursus yang diadakan pada setiap hari Rabu ini telah dijalankan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Cawangan Mantin dan diadakan khusus buat kakitangan keselamatan USIM. Semua peserta adalah diwajibkan

untuk mengikuti modul 32 jam bagi melayakkan mereka mendapat sijil asas daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Kursus ini merupakan kursus kali kedua yang diadakan selepas ianya dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2006. Di dalam kursus ini, mereka telah diterangkan dengan pelan tindakan kebakaran, sistem perlindungan

aktif dan pasif, simulasi kebakaran dan pengusian bangunan. Seramai 25 orang kakitangan keselamatan telah berjaya menamatkan kursus ini dengan jayanya dan diharapkan agar kursus ini dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.



# SEKITAR SAMBUTAN KEMERDEKAAN DI USIM





## BENGGEL PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN UNDANG-UNDANG

Bengkel Pentadbiran Dan Pengurusan Undang-Undang ini telah diadakan pada 25 Julai 2007 bertempat di Bilik Mesyuarat Utama FSU. Bengkel ini dianjurkan hasil kerjasama antara Unit Latihan dan Jawatankuasa Teknikal Bahagian Pentadbiran Strategi 4 (Memantapkan Pentadbiran Keadilan) yang dipengerusikan oleh Dekan

Fakulti Syariah dan Undang-undang, Y. Bhg. Prof. Dr. Hj. Abdul Samat Musa. Objektif bengkel ini antara lainnya adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang peranan pentadbir dan pengurus dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan Universiti. Bengkel sehari ini telah dihadiri oleh semua pegawai-

pegawai kanan Universiti dan juga kakitangan dari kumpulan pengurusan dan professional (P&P). Penceramah bagi bengkel ini telah diundang khas dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Universiti Malaya (UM).



### TAKLIMAT LHDN

Satu taklimat berkenaan dengan cukai pendapatan dan juga isu-isu mengenainya telah diadakan pada 28 Ogos 2007 yang lalu. Taklimat ini yang disampaikan oleh wakil daripada Lembaga Dalam Negeri Cawangan Negeri Sembilan ini telah dihadiri oleh kakitangan akademik dan juga pentadbiran seramai 68 orang. Objektif taklimat seumpama ini diadakan adalah bagi memberi pemahaman berhubung dengan kaedah pengiraan sendiri cukai berjadual yang sering menjadi isu dan kekeliruan dikalangan kakitangan itu sendiri.



### TAZKIRAH SYAHRIYYAH

Tazkirah Syahriyyah telah diadakan pada 7 September 2007 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3. Sesi tazkirah pada kali ini telah disampaikan oleh wakil daripada Pusat Zakat Negeri Sembilan yang menerangkan tentang kepentingan zakat dalam kehidupan dan juga kaedah yang boleh digunakan untuk membuat pembayaran zakat. Kakitangan yang hadir pada sesi tazkirah ini

juga diberikan 'door gift' iaitu berupa senaskah Yaasin. Ianya juga adalah bersempena dengan ketibaan Bulan Ramadhan Al Mubarak tidak lama lagi. Semoga dengan penjelasan daripada pegawai ini, segala isu berkaitan dengan zakat tidak akan timbul lagi selepas ini dan semoga pendapatan yang diperolehi akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T.



# MAJLIS SAMBUTAN 50 TAHUN KEMERDEKAAN PERINGKAT USIM

Majlis Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat Universiti Sains Islam Malaysia telah diadakan dengan begitu meriah dan penuh berwarna-warni pada 3 September 2007. Jawatankuasa majlis sambutan ini yang dipengerusikan oleh Tuan Pendaftar ini berjaya dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancang. Majlis sambutan ini diadakan di Dataran Bangunan Canselor dengan dirasmikan sendiri oleh Naib Canselor USIM iaitu Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin. Sebanyak 18 kontigen telah menyertai dalam perarakan perbarisan yang membawa pelbagai tema khususnya yang melambangkan 50 tahun kemerdekaan dan kejayaan Malaysia dalam merentas kemajuan. Tidak kurang juga dengan kontigen yang tampil dengan pelbagai gimik bagi menarik perhatian juri. Di dalam perbarisan itu, kontigen yang memenangi Anugerah Kontigen Terbaik adalah KONTIGEN ..... Semoga usaha murni ini dapat diteruskan lagi pada masa-masa akan datang sebagai bukti semangat kemerdekaan dan bagi menyemarakkan rasa cinta pada Negara.



## SAJAK KESEJAHTERAAN MALAYSIA

Kernamu Malaysia,  
Tegakkan nusa gagahkan bangsa  
Kita susun seribu langkah, menuju  
ke hadapan  
Bersama mensesah pekat malam,  
menerjah gelombang  
Berlari mengejar cahaya,  
menepati janji di hujung jalan  
Walau berdepan sejuta rintangan  
Sekali pun jatuh di medan  
perjuangan  
Namun tetap meredah, mencapai  
wawasan  
Alangkah damainya negeri ku ini  
Dilimpahi rahmat, kemakmuran  
dikurniai  
Bangsa bersatu berjiwa waja  
Semangat patriotik kian membara  
Dunia sudah membuka mata  
Penghormatan kini menjadi nyata  
Tiada lagi penindasan  
Tiada lagi penghinaan  
Kemerdekaan terus terpelihara  
Damainya negeriku...MALAYSIA

Nukilan : Tun Dr. Mahathir  
Mohamad (2004)



## TAHUKAH ANDA.....



Tema : Malaysiaku Gemilang

Rekabentuk logo ini diilhamkan dari jalur gemilang sedang berkibar yang merupakan bendera kebanggaan rakyat Malaysia. Kibaran Jalur Gemilang melambangkan semangat kecintaan rakyat pada negara.

Jalur merah dan putih digayakan dalam bentuk angka lima manakala bentuk bulan dan bintang dijadikan angka kosong yang mana ia menjadikan angka 50 yang menjadi tonggak utama logo ini sempena ulang tahun kemerdekaan ke 50.

Bahagian dihujung angka 5 terus disambungkan pada stigma bunga raya yang merupakan bunga kebangsaan Malaysia. Pada stigma itu diletakkan lima titik dihujungnya yang bermaksud lima rukun negara yang menjadi amalan setiap rakyat Malaysia.

Bentuk dasar logo adalah bulat yang 'italic' / slanted ke kanan. Bentuk ini adalah dinamik yang memberi maksud kemajuan pesat yang dialami oleh negara Malaysia sejak 50 tahun mencapai kemerdekaan

Bentuk bulat juga bermaksud rakyat Malaysia berbilang kaum yang bersatu dalam mencapai nikmat dan kemajuan sepanjang 50 tahun usia kemerdekaan.

Warna merah dan putih melambangkan keseluruhan rakyat Malaysia. Warna biru bermaksud perpaduan yang dijalankan oleh rakyat. Manakala kuning adalah melambangkan ketua negara, Yang Di Pertuan Agong ia juga bermaksud kegemilangan yang dikecapi semenjak 50 tahun usia kemerdekaan Malaysia.

Kesimpulan logo

Logo ini yang diilhamkan dari jalur gemilang adalah kerana ia adalah satu 'entiti' yang dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia. Setiap rakyat Malaysia yang mengibarkan Jalur Gemilang sebenarnya adalah untuk menunjukkan rasa bangga serta rasa kecintaan terhadap negara.

## USIM MEMENANGI PERTANDINGAN KERETA BERHIAS PERINGKAT NEGERI SEMBILAN



Pada tanggal 30 Ogos 2007, Universiti Sains Islam Malaysia buat julung kalinya telah menyertai Pertandingan Perarakan

Kereta Berhias Sempena Malam Ambang Merdeka 2007 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus. Pertandingan ini diadakan di Padang Majlis Perbandaran Seremban. Seramai 13 penyertaan terlibat dalam pertandingan ini yang terdiri daripada pelbagai jabatan kerajaan, badan swasta, institusi pengajian tinggi dan parti politik. Kereta berhias USIM berkonsepkan "Umarak Ilmu" dan bertemakan "Melestari Kegemilangan Intelektual".

Konsep "Umarak Ilmu" ini dipilih bagi menyerlahkan sifat kepimpinan USIM sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang berperanan untuk memartabatkan modal insan dan intelek dalam mencapai misi dan agenda negara. Konsep "Umarak" yang digunakan melambangkan USIM sebagai gedung ilmu pengajian tinggi yang terkehadapan di dalam melahirkan pemimpin daripada pelbagai bidang di bawah satu lembayung kecemerlangan Islam.

Manakala "Ilmu" pula memanifestasikan peranannya dalam melahirkan pemimpin atau "umarak" gemilang yang bertunjangkan pengetahuan akli dan naqli. Penguasaan ilmu akli dan naqli secara komprehensif menjadikan USIM unik di kalangan IPTA di Malaysia dan dunia.

Kereta Berhias USIM ini menampilkan 5 komponen utama iaitu :

### KOMPONEN UTAMA

Kereta berhias USIM ini menampilkan 5 komponen utama iaitu :

- a) 3 buah buku terbuka,
- b) Glob dan Orbit bergerak,
- c) Susunan lapan buku yang menegak
- d) Replika Bangunan Canselori.
- e) Replika Rehal

#### a) Tiga Buah Buku Terbuka

Tiga buah buku yang disusun secara bertingkat dalam keadaan terbuka melambangkan "Berilmu, Berdisiplin Dan Bertaqwa" yang bermaksud peningkatan setiap insan adalah berasaskan kepada ilmu yang diamalkan akan membentuk disiplin yang kental yang akhirnya membawa kepada ketaqwaan.

#### b) Glob dan Orbit Bergerak

Membawa erti USIM memartabatkan kecemerlangan ilmu melangkaui batas masa dan sempadan. Orbit yang mengelilingi glob pula bermaksud cakupan ilmu sains dan teknologi diaplikasi bersama ilmu naqli yang menjadi teras penyampaian ilmu di USIM.

#### c) Susunan Lapan Buah Buku Menegak

Bermaksud USIM mempunyai lapan fakulti yang menawarkan pelbagai program yang memenuhi keperluan negara bertepatan dengan usia emas 50 tahun kemerdekaan iaitu:

- i) Fakulti Syariah dan Undang-Undang
- ii) Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan
- iii) Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
- iv) Fakulti Ekonomi & Muamalat
- v) Fakulti Sains & Teknologi
- vi) Fakulti Pengajian Bahasa Utama
- vii) Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan
- viii) Fakulti Pergigian

#### d) Replika Bangunan Canselori

Bangunan Canselori melambangkan nadi pentadbiran Universiti yang memandu ke arah melahirkan

generasi berilmu di mana tahap kecemerlangan setiap daripadanya tiada titik noktah.

#### e) Replika Rehal

Membawa maksud landasan atau pelantar yang menjadikan USIM sebagai wadah penyampaian ilmu bagi melahirkan insan yang cemerlang.

Perarakan kereta berhias ini turut diiringi seramai 50 orang warga USIM yang terdiri daripada pelajar, pelajar antarabangsa dan staf antarabangsa dengan memakai pakaian kebudayaan masing-masing. Hasil komitmen dan kerjasama yang mapan bagi menjayakan kereta berhias ini, USIM telah dinobatkan sebagai Johan Pertandingan Perarakan Kereta Berhias Peringkat Negeri Sembilan dengan merangkul hadiah sebanyak RM 10,000.00. Manakala tempat kedua dan ketiga masing-masing dimenangi oleh TH Properties dan Majlis Perbandaran Nilai. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan di Dataran Sri Kemang Port Dickson, Negeri Sembilan pada 10 September 2007 bersempena Majlis Penutupan Perayaan Bulan Kemerdekaan Ke-50 Peringkat Negeri Sembilan Darul Khusus 2007. Semoga kejayaan yang dikecapi ini dapat dikekalkan untuk masa akan datang. Merdeka !!



**SIRI PERUNDANGAN**

Sambungan (Bil 3)

**TATAKELAKUAN BAGI KAKITANGAN USIM**

3. (2) f. Tidak jujur atau tidak amanah

Contohnya :-

i. Mengesahkan tuntutan bekerja lebih masa yang tidak betul dengan tujuan untuk mendapat habuan.

g. Tidak bertanggungjawab;

Contohnya :-

i. Menghasut kakitangan lain supaya jangan terlalu berusaha dalam menjalankan tugas.

ii. Mengambil cuti rehat di saat perkhidmatan nya sangat-sangat diperlukan.

h. Membawa atau cuba membawa apa-apa bentuk pengaruh atau tekanan luar untuk menyokong atau memajukan apa-apa tuntutan berhubung dengan atau terharap perkhidmatan awam, sama ada tuntutan itu ialah tuntutannya sendiri atau tuntutan mana-mana pegawai lain badan berkanun;

Contohnya :-

i. Meminta orang kenamaan untuk menggunakan jasa baiknya mempengaruhi J/K Kenaikan Pangkat untuk menaikkan pangkatnya.

ii. Meminta ahli politik untuk menyokong permohonannya untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh Badan Berkanun.

i. Ingkar perintah atau berkelakuan dengan sedemikian cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai ingkar perintah dan

Contohnya :-

i. Membantah atau melawan pegawai atasan.

ii. Membawa keluar fail terperingkat Jabatan tanpa kebenaran bertulis Ketua Jabatan.

j. Cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

Contohnya :-

i. Gagal memberitahu bahagian Kewangan supaya memberhentikan gaji seseorang pegawai yang telah letak jawatan.

ii. Menghilangkan harta Badan Berkanun dalam simpanan/jagaan pegawai.

Akan bersambung dalam keluaran akan datang....

**Are You Lonely??**

**Don't like working on your own?  
Hate making decisions?**

**Then call A MEETING!!**

You can...

- ✦ SEE people
- ✦ DRAW flowcharts
- ✦ FEEL important
- ✦ IMPRESS your colleagues



...all on COMPANY TIME!!!

**MEETINGS**

The practical alternative to work.



Direkabentuk Oleh : Zypro Advertising & Marketing